

Kandungan

Persidangan ICADL 2003	1
CONSAL, Brunei 2003	1
Berita Semasa	
World Summit for the Information Society (WSIS) dan ICT4D	2
Pustakawan PPM Kawasan Selatan berbakti dengan Projek "Braille"	3
Interview with Ybhg Dato Dr Zaiton Osman	3
CONSAL Outstanding Librarian Award	3
Persidangan/Bengkel	
32nd Annual Conference of IASL and 7th International Forum on Research in School Librarianship	4
Pakej PPM ke Taman Negara Pahang	4
Aktiviti PPM 2004	
Aktiviti PPM 2004	5
Berita Semasa	
Perasmian Perpustakaan MPSJ	6
Simposium on Librarian Association and Profesionalism	6
Senarai AJK PPM Kumpulan Timur	7
Senarai AJK Tetap Pustakawan Perubatan	7
Berita Persaraan	7
Aktiviti PPM	
Laporan Pakej PPM ke New Delhi Book Fair	8
Senarai ahli baru PPM	9
Pakej PPM ke IFLA Beunos Aires	9
Maklumat Penaja	
3M Malaysia Sdn Bhd	10
Sekitar Perpustakaan	
Anugerah Kualiti PPM	11
PPM Council Members 2003/2005	12

Persidangan ICADL 2003, Kuala Lumpur.

Digital Libraries : Technology and Management of Indigenous Knowledge for Global Access



International Conference of Asian Digital Libraries (ICADL 2003) telah diadakan dengan jayanya pada 8 - 11 Disember 2003 bertempat di Prince Hotel & Residence, Kuala Lumpur. Ia merupakan anjuran bersama Perpustakaan Negara Malaysia, PPM dan UKM dengan kerjasama MIMOS, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia serta MDC. Persidangan ini telah dihadiri oleh lebih daripada 300 peserta dari dalam dan luar negara.

Perasmian persidangan telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Dato' Seri Musa Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia. Pada masa yang sama sistem Perpustakaan Digital Negara (PERDANA) dan International Islamic Digital Library (IIDL) turut dilancarkan.

Persidangan ini telah berjaya menghimpunkan peserta dan pembentang kertas kerja yang merupakan pustakawan dan pakar sains dan teknologi maklumat dari seluruh Asia dan antarabangsa antaranya termasuk dari negara Malaysia, India, Korea, Singapura, Hong Kong, Iran, Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah seperti Itali dan Jerman.

Persidangan yang dianjurkan di Kuala Lumpur ini merupakan siri keenam selepas Hong Kong (1998), Taiwan (1999), Korea (2000), India (2001) dan Singapura (2002). Persidangan yang dianjurkan secara tahunan ini adalah satu inisiatif bijak seiring dengan perkembangan teknologi perpustakaan digital terkini dan canggih. Pelbagai isu berkaitan Perpustakaan Digital dapat diketengahkan dan dikongsi bersama.

..lihat muka 12



Pendaftaran Peserta ICADL 2003



Majlis Penutup ICADL 2003

CONSAL, Brunei 2003

Oleh A Azli Abdul Rahim



Rombongan CONSAL dari Malaysia

Seramai 28 orang peserta telah mengikuti pakej ini iaitu pustakawan dari pelbagai institusi. Peserta rombongan telah selamat sampai di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada jam 2 petang (waktu Brunei) yang disambut oleh pihak agensi pelancongan. Kemudian kami telah dibawa ke sebuah restoran di Centrepoint, Bandar Teluk Gadong bagi menikmati jamuan makan tengah hari.

..lihat muka 3

Berita PPM Keluaran Jan / Feb 2004 ini ditaja oleh 3M Malaysia Sdn Bhd



Ketua Pengarang
Maimunah Kadir

Sidang Pengarang
Aripah Mohamed
Azmah Ishak

Hazmir Hj Zainal
Norbaizura Hj Malek

Grafik/Layout
Azlan Mohamad Hamzah

Pengumuman

Mesyuarat Agung PPM 2004 akan diadakan pada Sabtu, 24 April 2004, jam 8.30 pagi di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia. Semua ahli dijemput hadir.

**Persidangan World Summit for the Information Society (WSIS) / Pameran Information & Communications Technology for Development (ICT4D) di Geneva, Switzerland
8 - 13 Disember 2003**



Oleh Nafisah Ahmad

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui *International Telecommunication* telah menjemput Malaysia untuk menghadiri World Summit for the Information Society (WSIS) yang diadakan di Geneva, Switzerland dari 8 - 12 Disember 2003.

Tujuan WSIS adalah *"to develop and foster a clear statement of political will and a concrete plan for action achieving the goals of the Information society, while fully reflecting all the different interests at stake"* YB Datuk Amar Leo Moggie, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia telah mengetuai delegasi Malaysia ke WSIS yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, MAMPU, MDC, MIMOS, Telekom Malaysia, NCWO dan Kerajaan Negeri Selangor. Perpustakaan Negara Malaysia diwakili oleh Ketua Pengarah, Timbalan Pengarah Pusat Manuskrip Melayu dan Timbalan Pengarah Bahagian Khidmat Teknik.

Serentak dengan WSIS, *Swiss Agency for Development and Cooperation* (SDC) telah menganjurkan ICT4D dari 9 -13 Disember 2003 dengan tujuan untuk melengkapkan objektif WSIS dengan menyumbang kepada penggunaan berkesan ICT untuk pembangunan dan sumber manusia. Malaysia bersama Mali, Bolivia dan Finland telah diberi penghormatan oleh Presiden Persekutuan Switzerland untuk menjadi *Special Guest Country* di ICT4D Platform bagi mempamerkan inisiatif-inisiatif ICT4D negara. Pavilion Malaysia telah didirikan di ICT4D bertema *ICT for All* bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- Memaparkan imej Malaysia melalui dasar-dasar dan projek-projek ICT4D sebagai salah satu masyarakat bermaklumat supaya dapat diikuti dan dicontohi oleh negara-negara lain terutamanya negara membangun.
- Menunjukkan Malaysia sebagai pelopor dan peneraju pembangunan masyarakat bermaklumat di rantau ini.

WSIS telah dirasmikan oleh Presiden Persekutuan Switzerland pada 10 Disember 2003. YB Datuk Amar Leo Moggie telah turut mengambil bahagian dalam *Joint Panel Discussion*. Beliau juga telah menyertai perbincangan di *Roundtable 3: ICT as a tool to achieve the millennium development goals* pada 11 Disember 2003.

Di samping pameran, Forum ICT4D diadakan di 18 buah bilik persidangan di Palexpo. Antara Forum yang dihadiri adalah :

1. *Libraries@the heart of the Information Society* (10/12/2003)
2. *Multistakeholder Partnerships: Meeting the challenge of the Millennium Development Goals* (11/12/2003)
3. *Open Source Software Versus Propriety System* (12/12/2003)

4. *Special Guest Country Panel (12/12/2003)*

Malaysia telah mengelolakan *Special Guest Country Panel* pada 12 Disember 2003 bermula jam 4.00 hingga 6.00 petang. Forum yang bertajuk *Malaysia's ICT4D perspectives and experiences in realizing a knowledge-based society and economy* telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah PNM. Para ahli panel terdiri daripada :

- Encik Narayanan Kanan, MDC Senior Vice President
- YM Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffaddeen Ibrahim, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS
- Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, Presiden NCWO dan ahli NITC
- YM Dr. Raja Malik Raja Mohamed, Timbalan Ketua Pengarah MAMPU

Forum ini telah menarik minat beberapa peserta luar negara mengahadirinya dan mereka telah mengajukan berbagai soalan berkaitan kejayaan Malaysia dalam bidang ICT.

Dari muka 1

Selepas makan tengah hari, kami terus ke masjid negeri yang begitu indah dan disaluti oleh emas bagi menunaikan sembahyang fardhu zohor. Selepas itu, kami dibawa oleh pihak agensi pelancongan untuk melawat Kampung Ayer yang begitu terkenal di Brunei. Walau bagaimanapun, kami tidak dapat melawat kampung tersebut dengan lebih dekat kerana cuaca tidak mengizinkan iaitu hujan lebat dan keadaan arus sungai yang merbahaya

[..lihat muka 3](#)



Rombongan PPM bergambar di Jerudong Theme Park, Brunei

Pustakawan PPM Kawasan Selatan berbakti dengan Projek "Braille" di Sekolah Pendidikan Khas Princess Elizabeth, Johor Bahru

Oleh Noraziah Sharuddin (Pengerusi PPM Kawasan Selatan)

Peranan pustakawan bukan hanya memfokuskan kepada menjalankan tugas-tugas rutin dalam bidang kepustakawanan sahaja tetapi boleh dikembangkan dengan menjalankan aktiviti sosial yang dapat memanfaatkan masyarakat setempat. Ia juga selaras dengan Dasar Sosial Negara yang menekankan kepada pelaksanaan dan pengurusan pembangunan sosial, setanding dan seiring dengan pembangunan ekonomi untuk menghasilkan kemajuan dalam membangunkan masyarakat yang mantap dan seimbang.

Atas dasar keperihatinan dan rasa tanggungjawab ini maka pustakawan dari Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Selatan (PPMKS) telah mengambil inisiatif untuk memberi bantuan kepada masyarakat yang kurang bernasib baik iaitu dengan menjalankan aktiviti membaca bahan bacaan dalam bentuk cetak untuk diterjemahkan ke dalam bentuk "braille" di Sekolah Pendidikan Khas Princess Elizabeth, Jalan Nong Chik, Johor Bahru, Johor. Ini bertujuan untuk membolehkan pelajar cacat penglihatan di sekolah tersebut menggunakan bahan "Braille" sebagai bahan rujukan belajar yang amat kurang jumlahnya. Dengan adanya sikap



keperihatinan seperti ini, adalah diharapkan keperluan untuk golongan ini akan lebih terbelas dan terjamin.

Projek yang bermula pada 10 Januari 2004 ini diadakan pada hari Sabtu (selepas waktu pejabat) dan juga pada hari cuti Sabtu pertama dan ketiga. Buat masa ini beberapa orang pustakawan dari PPMKS secara sukarela membacakan buku teks Jawi Pendidikan Islam Tahun 4 untuk diterjemahkan ke dalam bentuk "Braille" oleh guru-guru dan pelajar-pelajar cacat penglihatan di sekolah berkenaan. Projek ini akan berterusan sehingga buku-buku teks tersebut selesai diterjemah. Projek ini akan diteruskan pula dengan menterjemahkan lain-lain bahan bacaan mengikut keperluan sekolah tersebut

Interview with YBhg. Dato Dr. Zaiton Osman, CONSAL Outstanding Librarian Award 2003.



Dato' Dr Zaiton bersama Ahli Majlis PPM semasa menghadiri CONSAL

Q1: Congratulations Dato for being awarded the CONSAL Outstanding Librarian Award 2003. What was your first initial reaction when the announcement was made during the opening of CONSAL XII?

A1: *Thank God for Malaysia*

Q2: The competition was obviously tough as some countries nominated candidates with really excellent track records. Did you feel you stood a chance of winning?

A2: *No. There were a few really good candidates, like the late Josephine Sison from Philippines, a good friend of mine with an excellent track record.*

Q3: What do you think are your strong points that convinced the judges that you are a clear winner as compared to the other nominees?

A3: *The ability to play an integral role in the university management and putting the library at the heart of the teaching and learning process.*

Q4: You have received a trophy, certificate and cash of Brunei Dollars 2,000 for the award. You had donated the cash you won to PPM. I thought that was very noble of you and on behalf of PPM we thank you very much. Any comment?

A4: *I have been involved with PPM since the 1970's and my commitment to the profession is total. How not to donate to PPM?*

Q5: Lastly Dato, what is your advice to our young and aspiring librarians?

A5: *Be proud of what you are doing in your line of duty. Upgrade yourself constantly and make yourself relevant to your parent organization's core business.*

Dari muka 2

Oleh itu, kami hanya pergi melawat pusat membeli belah Kompleks Hassanal Bolkiah Pada sebelah malam pula, kami telah melawat ke *Jerudong Theme Park* yang merupakan taman tema paling popular di Brunei. Bayaran masuk dikenakan sebanyak UBD \$1.00.

Peserta rombongan menginap di Hotel Reverview, Bandar Sri Begawan. Pada hari biasa, kami menghadiri persidangan tersebut di International Convention Centre, Berakas dengan menaiki *coach* yang disediakan oleh pihak Urus Setia Persidangan. Pada 20 Oktober 2003, kami disajikan dengan jamuan makan malam steamboat dan BBQ oleh pihak agensi pelancongan. Pada hari terakhir, kami telah bertolak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada jam 6 petang dan berlepas ke Kuala Lumpur pada jam 10.50 malam (flight delayed). Brunei Dalam kenangan.

32nd Annual Conference of International Association Of School Librarianship & 7th International Forum on Research in School Librarianship.

Oleh Puan Hajah Fatimah

International Association of School Librarianship (IASL) merupakan satu pertubuhan antarabangsa yang mempunyai misi menyediakan forum profesional untuk mempromosi program Pusat Sumber Sekolah yang dianggap sebagai satu instrumen yang berjaya dalam proses pendidikan.

Sejak tahun 1972, IASL telah mengadakan persidangan tahunannya diseluruh dunia. Malah, Malaysia pernah menjadi tuan rumah kepada persidangan ini pada tahun 1989 dan 2002.

Pada tahun ini, persidangan tersebut telah diadakan di Durban, Afrika Selatan bermula dari 7 hingga 11 Julai 2003 dengan temanya "Breaking Down Barriers". Wakil dari Malaysia terdiri daripada 3 orang

peserta di mana 2 orang daripadanya adalah ahli Jawatankuasa Tetap Pusat Sumber Sekolah PPM.

Secara keseluruhannya terdapat 58 kertas kerja yang telah dibentangkan. Ini termasuklah 7 ucapan utama, 37 kertas profesional dan 14 kertas kajian. Selain daripada itu, terdapat juga 12 sesi bengkel, 4 sesi poster dan 2 persembahan komersial. Antara ucapan utama yang menarik adalah "Libraries of the Future of School Libraries: what is agenda" oleh Kay Raseroka (Bostwana).

Seperti biasa, peserta-peserta persidangan telah dibawa melawat ke Pusat Sumber Sekolah Menengah dan Rendah di sekitar Bandar Durban. Peserta juga berpeluang melawat dan mengalami budaya kaum Zulu dan

hidupan liar Afrika (African Wild Life).

Seperti tahun-tahun lalu, IASL telah menyampaikan 9 anugerah. Pada tahun ini, kita bertuah kerana salah seorang

Pada tahun ini, seorang ahli PPM iaitu Dr. Dilgit Singh dari Universiti Malaya telah menerima Takeshi Murofushi Research Award. Dengan anugerah ini Dr Dilgit akan melaksanakan satu kajian berhubung dengan Pusat Sumber Sekolah di mana hasil kajiannya akan dibentangkan dalam persidangan tahun hadapan. Tahniah diucapkan kepada Dr. Dilgit.

Pada tahun 2004, persidangan yang sama akan diadakan di Dublin, Ireland.

Pakej PPM ke Taman Negara Pahang, Malaysia

Jawatankuasa Sosial PPM akan menganjurkan Pakej 3 Hari 2 Malam ke Taman Negara seperti berikut:

Tarikh : 1 - 3 Mei 2004

Jumlah peserta : 30 orang

Harga : RM450.00 (dewasa) / RM334.00 (kanak-kanak 8-12 tahun)

Harga Pakej termasuk :

- Transportation by bus from KL to K. Tembeling
- Welcome drink & briefing Taman Negara
- 2 nights accommodation at Rain Forest Resort (Fully Air cond.)
- Meals: 2 breakfast, 2 lunch (Floating Rest), 1 Dinner & BBQ at Dedari Coffee House. Shuttle Service Resort / K. Tahan Jetty (return)
- Boat Transfer service K. Tembeling Jetty/ K. Tahan (Return)
- Guided Night Safari – 4WD's
- Rapids Shooting/Rubber Tubing
- Guided Jungle Trekking & Canopy Walk – stretching 400m, the world's longest hanging bridge
- Lata Berkoh Cascades (Waterfall – beautiful

- river scenery)
- Kelah Fish Sanctuary
- Orang Asli Settlement
- Guiding fee
- Taman Negara Entry Permit – RM1.00 per person
- Canopy Walkway tickets: RM5.00/ Adult & RM3.00/ Child

Oleh kerana tempat adalah terhad kepada ahli yang berminat sila berikan nama dengan segera kepada :

Cik Noreen Haji Mohamad
Pegawai Eksekutif PPM (Tel/Fax: 0326947390)

Kalender Aktiviti PPM 2004	Tarikh	Tempat
1. New Delhi World Book Fair	15 - 20 Februari 2004	New Delhi, India
2. Kursus Pembantu Perpustakaan (Lanjutan)	5-10 April 2004	Maktab Kerjasama Malaysia
3. Simposium Pustakawan Dan Profesionalisme, PPM	23 April 2004	Auditorium, PNM
4. Majlis Jamuan Makan Malam PPM	23 April 2004	Bukit Kiara, Kuala Lumpur
5. Mesyuarat Agung PPM	24 April 2004	Auditorium, PNM
6. Lawatan Taman Negara Pahang	1 - 3 Mei 2004	Pahang
7. Kursus Pengurusan Perpustakaan dari Perspektif Undang-undang	18-20 Mei 2004	Port Dickson
8. Kuala Lumpur Book Fair	21-30 Mei 2004	PWTC, Kuala Lumpur
9. Seminar Kebangsaan Perpustakaan Kedua	25 -27 Mei 2004	Berjaya Resort, Langkawi
10. PPM/ Monash University Library Staff Development and Training Program	7 - 25 Jun 2004	Monash University, Melbourne
11. Bulan Membaca Kebangsaan	Julai 2004	
12. Dialog Dengan Pembekal	27 Julai 2004	Auditorium, PNM
13. Bengkel Kemahiran Maklumat	Julai 2004	
14. Pakej PPM ke IFLA	15-29 Ogos 2004	Bueno Aires, Argentina
15. Kursus Pengkatalogan Sumber elektronik	16-18 Ogos 2004	Perpustakaan UMS, Kota Kinabalu, Sabah
16. Kursus Asas Pembantu Perpustakaan	6-11 September 2004	Maktab Kerjasama Malaysia
17. Library Leadership training Program	27-29 September 2004	
18. Sharjah Book Fair dan lawatan ke Dubai Internet City serta Universiti of Sharjah	Disember 2004	Dubai
19. Pakej PPMICADL ke-7	Disember 2004	Shanghai,China

PERASMIAN PERPUSTAKAAN HIPERMEDIA MPSJ SERI KEMBANGAN

Disesuaikan daripada NST 24 Februari 2004

Perpustakaan Hipermedia MPSJ Seri Kembangan telah dibuka dengan rasminya pada 18 Februari 2004. Penubuhan perpustakaan awam yang berkonsepkan hipermedia ini merupakan inisiatif Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dalam usaha membawa masyarakat di sekitar Subang Jaya dan Seri Kembangan ke arah masyarakat berorientasikan maklumat seiring dengan penggunaan teknologi tinggi.

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah membelanjakan RM8 juta untuk membuka Perpustakaan Hipermedia yang beroperasi di tingkat dua Plaza Serdang Raya ini. Perpustakaan digital yang boleh memuatkan 500 pengunjung ini dibuka kepada orang ramai dengan matlamat utama menanam tabiat membaca dan celik IT di kalangan masyarakat setempat.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Kembangan, Datuk Liew Yuen Keong. Majlis turut dihadiri oleh Yang Dipertua (YDP) MPSJ, Datuk Hakim Borhan serta Timbalan YDP MPSJ, Arpah Abd Razak.

Perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan Hipermedia ini termasuk perkhidmatan Internet (Kafe Siber), multimedia, audio, pinjaman dan rujukan, pangkalan data, OPAC, fotokopi dan cetakan.

Waktu perkhidmatan perpustakaan ialah pada hari Selasa hingga Jumaat iaitu bermula 9.30 pagi hingga 9.00 malam dan hari Sabtu serta Ahad bermula 9.30 pagi hingga 5.00 petang. Kadar yuran yang dikenakan bagi kategori dewasa (13 tahun ke atas) adalah RM37.00 setahun. Manakala bagi kategori kanak-kanak (5 – 12 tahun) yuran tahunan yang dikenakan adalah RM27.00.

Dengan Penubuhan Perpustakaan Hipermedia ini, ia diharap akan menjadi pemangkin kepada pembangunan masyarakat berteraskan ilmu pengetahuan khususnya kepada masyarakat di kawasan sekitarnya dan juga kepada masyarakat umum.

SYMPOSIUM ON LIBRARIAN ASSOCIATION AND PROFESSIONALISM : A PARADOX AMONG INFORMATION PROFESSIONALS

Librarians are facing demands on their ability to think strategically and to plan a library service that balances resources, technology and clients' demands. The new roles for the librarian are inevitably particularly complex as a consequence of the need to strike a compromise between electronic and traditional environment.

In moving forward, librarians will require help in taking the right decisions for their services and adapting their libraries to this new and dynamic information environment. Getting involve in a professional profession such as the Librarians Association of Malaysia is a good place to begin. This symposium to be held in conjunction with the PPM Annual General Meeting gives librarians an opportunity to explore such benefits.

OBJECTIVES

- To create awareness among library professionals on the need to be involved in professional associations for career development
- To encourage active participation in PPM by all categories of members
- To explore and discuss the role Malaysian Librarians Association can play in the ongoing development of libraries, library profession and information services especially in the digital era.
- To discuss the guidelines and procedures in planning and implementing activities for the Librarians Association of Malaysia

VENUE

Auditorium, Level 2
Perpustakaan Negara Malaysia
Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur

DATE

23 April 2004

TIME

8.15 am - 4.30 pm.

TARGET AUDIENCE

- PPM members
- Information professionals and others:
 - o who like to contribute
 - o who are uncertain on the roles of PPM

FEES

Free for ALL!

For further information, please contact:

Executive Officer
Persatuan Pustakawan Malaysia
Peti Surat 12545
50782 Kuala Lumpur

Tel/Fax : 03-2694 7390
Email : ppm55@po.jaring.my

**SENARAI AJK PERSATUAN PUSTAKAWAN
MALAYSIA KUMPULAN TIMUR**

- PENGERUSI:** Aishah Mohd Nasir (KUSTEM)
N/PENGERUSI: Sofiah Hashim (USM KK)
SETIAUSAHA: Sarawati Sulong (KUSTEM)
N/ SETIAUSAHA: Rugayah Ali (USM KK)
BENDAHARI: Sharifah Akmal Syed Abd Rahman
(KUSTEM)
N/BENDAHARI: Khairuddin Salleh (KYT)
PEMERIKSA KIRA-KIRA: Rohani Othman(KUSZA)
Faridah Muda (KUSZA)

AHLIJAWATANKUASA:

1. Anidah Mohd (PPAK)
2. Anuar Awang (UiTM DUNGUN)
3. Sakinah Kamaluddin (KUKTEM)
4. Che Hasnah Ab. Ghani (USM KK)
5. Ghazali Mat Jamil (KUSZA)
6. Atip ALi (KUSTEM)



**GAMBAR MESYUARAT AGUNG
TAHUNAN PPM KUMPULANTIMUR**



SENARAI AHLI JAWATANKUASA TETAP PUSTAKAWAN PERUBATAN PPM

Laman Web : <http://lib.hukm.ukm.my/mlg>

- PENGERUSI:** Maimunah Kadir (HUKM)
SETIAUSAHA: Noormala Maarof (UiTM)
BENDAHARI : Faizah Mohd Zain (UKM)

AHLI JAWATANKUASA:

- 1.Engku Razifah Engku Chik (USM)
- 2.Faizah Abdul Aziz (IJN)
- 3.Haryati Saarani (UPM)
- 4.Kasuma Dewi Said - (Hospital Umum Sarawak)
- 5.Margaret Simeng (UNIMAS)
- 6.Miskiah Ahmad (IMU) - sehingga 6/3/2004
- 7.Nik Zakiah Nik Abdullah (MOH)
- 8.Robayah Atan (MMMC)
- 9.Sayadek Sata (IIU)
10. Siti Rodziah Othman (IMR)
- 11.Suhaila Ishak (PCM)
- 12.Tunku Noraida Tuanku Abdul Rahman (UM)
13. Zainal Ahmad (HKL) & 2 orang wakil daripada Hospital dibawah Kementerian Kesihatan
14. Zuhariah Mohd Nordin (Asian Institute of Science, Medicine & Technology)
15. Zawawi Tiyunin (UMS)
16. Zuraini Mohd Sayuti (Sedaya International College)

BERITA PERSARAAN

Selamat bersara diucapkan kepada :

1. **Puan Miskiah Ahmad, Ketua Perpustakaan IMU telah bersara pada 6 Mac 2003 .
Jawatan Ketua Perpustakaan IMU diambilalih oleh En Hasbullah Atan.**
2. **Puan Kamariah Abdul Hamid, Ketua Pustakawan UPM telah bersara pada 19 Februari 2004. Cik Badilah Saad kini memegang jawatan tersebut.**
3. **Puan Laila Hassan,Pustakawan UPM telah bersara pada 20 Februari 2004.**

Berita lanjut akan disiarkan pada keluaran akan datang..

Laporan Pakej PPM Ke New Delhi Book Fair 15 – 21 Feb.2004

oleh Maimunah Kadir

Seramai 23 orang peserta telah mengikuti rombongan Pakej PPM ke New Delhi. Dari jumlah 23 orang ini mereka terdiri dari 11 orang Pustakawan, 8 orang Pembekal Buku, 3 orang Pensyarah dan 1 orang pelajar (iaitu anak kepada salah seorang Pustakawan). Seorang pembekal buku dari Singapura dan seorang dari Brunei Darussalam adalah di antara peserta rombongan tersebut. Program Lawatan adalah seperti berikut:

- i. Lawatan ke Perpustakaan Indian Institute of Technology - merupakan sebuah institusi yang terkenal di India dalam bidang IT
- ii. Lawatan ke Pesta Buku New Delhi, Pragati Maidan, New Delhi
- iii. Lawatan sehari semalam Ke Jaipur
- iv. Lawatan sehari semalam ke Agra serta melawat Taj Mahal pada waktu matahari terbenam

Oleh kerana jumlah peserta rombongan ini adalah kecil setiap peserta merasakan keseronokan berkenalan di antara satu sama lain. Jalinan persahabatan telah terjalin di kalangan semua peserta. Ramai di kalangan pembekal buku yang turut serta menyatakan kebaikan diadakan rombongan seperti ini kerana ianya dapat memberi


peluang kepada mereka menyertai program melawat pesta buku yang juga memasukkan lawatan ke perpustakaan sebagai pendedahan kepada mereka. Oleh kerana itu beberapa pembekal telah memohon untuk menjadi ahli PPM. Ramai di antara mereka juga mencadangkan supaya program lawatan ini diteruskan pada masa hadapan kerana mereka ingin turut serta dalam aktiviti tersebut.



Bergambar di hadapan Perpustakaan Indian Institute of Technology



Di hadapan Hotel Hans Plaza, Delhi



New Delhi Book Fair Pragati, Maidan



Melawat Taj Mahal, Agra



Majlis Makan Malam oleh Narosa Publishing

Senarai Ahli Baru PPM Ogos 2003 - Mac 2004

Ahli Profesional			
Abd. Akla Wan Ismail	USM	Nik Sabariah Nik Mustapha	PNM
Abd. Rahim Husin	PNM	Nor Azlina Ab Ghani	PNM
Abd. Rashid Abdul Jalil	PNM	Norazman Mohd Noor	PNM
Azian Abd. Rahman	KUKTM	Norhasliza Mohd Razali	PNM
Azian Othman	PNM	Norhafiza Jusoh	PNM
Effah Intiaz Zainol	PNM	Noor Adila Abdu Alojid @ Ghazi	PNM
Fadhilah Aini Md. Yusof	PNM	Noor Liza Hasbullah	PNM
Haini Bt. Salleh	Perp. MPSJ	Ramlah Che Jaafar	Taylor's College
Hasnida Jakeria	PNM	Ratna Sariayu Osman	PNM
Hazaini Mohd Zainal Abidin	PNM	Rohaidah Sharif	PNM
Intan Shafina Mohd Nadzri	PNM	Rosfatimah Wasli	PNM
James Hillary Anak Andrew	PNM	Rosmieni Che Mat	PNM
Ladduni Abdul Ghani	PNM	Rowland Anak Arah	PNM
Maheran Mohamed Ayub	PNM	Sabariah Khairuddin	PNM
Maiyumi Ahmat	PNM	Shamsiah Muhammad	PNM
Mohamad Fadzili Baharin	PNM	Siti Zubaidah Ahmad	PNM
Mohd Fairuz Zakaria	PNM	Syed Khairul Amin	PNM
Mohd Sazlan Kassim	PNM	Wati Sina	PNM
Muhamad Ismail Pahmi	PNM	Wan Azuan Shah Wan Mohamed	PNM
Naziah Ali	PNM	Zaidi Abdul Rahman	PNM
Ahli Institusi		Ahli Pelajar	
1. Perpustakaan Universiti Kuala Lumpur		Shuzlina Binti Mat Amin	UiTM
2. Unique Network Marketing Sdn Bhd		Rinawati Bt.Kamaruddin	UiTM
		Azian bt. Abd Rahman	UiTM.

PAKEJ PPM KE WORLD LIBRARY CONGRESS AND INFORMATION CONGRESS : 70th IFLA (Beunos Aires, Argetina : 15 - 31 Ogos 2004)

Aturcara Pakej :

Penerbangan yang akan dinaiki adalah Penerbangan Malaysia (MAS) akan singgah di Cape Town, Afrika Selatan. Lawatan ke Cape Town diatitkan meliputi lawatan ke beberapa buah perpustakaan serta sesi ramah-mesra dengan masyarakat Melayu Cape. Satu aktiviti kebudayaan juga telah dirancangan.

Harga Pakej :

EKONOMI (RM)		BUSINESS (RM)		HOTEL	AIRLINE
TWIN	SINGLE	TWIN	SINGLE	Holiday Inn (Cape Town)	MAS
8,200.00	9,580.00	29,600.00	30,980.00		
Bukan ahli PPM				Waldorf Hotel (Beunos Aires)	
8,300.00	9,680.00	29,700.00	31,080.00		

Pakej Meliputi :

1. Tiket ekonomi pergi dan balik oleh MAS (termasuk airport tax dan tips)
2. Penginapan di Holiday Inn (Cape Town) dan Waldorf Hotel (Beunos Aires) (4 bintang) termasuk sarapan pagi dan 2 makan malam

Pakej ini tidak meliputi yuran persidangan. Peserta adalah bertanggungjawab menguruskan sendiri pendaftaran ke persidangan.

Syarat Penyertaan :

1. Sila lengkap dan majukan borang pendaftaran kepada no. faks : 03-86567229 (u/p Hasbullah Atan) atau email : hasbullah@imu.edu.my)
2. Deposit berjumlah RM1000.00 (non-refundable) dibayar atas nama Persatuan Pustakawan Malaysia dan dihantar ke alamat berikut tidak lewat daripada 5 Mei 2004 :

**Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM)
Peti Surat 12545, 50782 Kuala Lumpur**



**Is your library
looking less and less
like this?**



**And more
like this?**

Electronic sources of information are changing libraries profoundly. And not just how they look.

The fact is, many patrons nowadays go to electronic sources first for information. And some go no further.

The effect of this shift away from traditional materials is far-reaching indeed. Libraries are finding that more and more of their limited resources—staff and volunteer time, budgets, physical space—are being tied up in electronic technologies.

This is not a sign of impending doom for the library, as some would suggest. Rather, it's just another stage in the library's continuous evolution.

But the questions remain: Where will you find the time and resources to help patrons with their New-Age information searches? Who will help your patrons sift through the bewildering tide of information

possibilities? How will you handle patron access to "indecent" material on the Internet? When will you provide your patrons with all the other intangibles they expect from your library?

It's time to look at Digital MFM

3M Digital Materials Flow Management helps free up the time and resources you'll need in the electronic age. It makes your traditional library materials more self-sufficient, streamlining the handling and flow of your books and magazines. Your videos and audiocassettes. Your CDs, software—anything you circulate. From processing to checkout to check-in. All of which makes you and your staff more efficient and productive.

So you suddenly find more . . . *time*. And judging by how things are starting to look, you're going to need it.

For more information on how 3M Digital Materials Flow Management can help your library, email lhkek1@mmm.com or write Kek Lay Hua
3M Malaysia Sdn. Bhd.
No. 6 Persiaran Tropicana,
47410 Petaling Jaya, Selangor
check out our Web site:
3M.com/library



Anugerah Kualiti PPM

1.) Pengenalan

Cabaran utama yang terpaksa dihadapi oleh perpustakaan sebenarnya adalah untuk menyedarkan masyarakat terhadap peranan dan kepentingan perpustakaan itu sendiri. Untuk itu, program pendidikan pengguna dan perhubungan awam yang agresif perlu sentiasa diadakan untuk memperbetulkan persepsi dan meningkatkan kualiti perhubungan antara perpustakaan dan masyarakat.

Menyedari pentingnya pendidikan pengguna dan perhubungan awam kepada perpustakaan, PPM bercadang untuk memberi penghargaan berupa *Anugerah Kualiti PPM* kepada mana-mana perpustakaan yang telah menunjukkan kecemerlangan di dalam aspek ini.

2.) Tujuan anugerah ini adalah :

- memberi penghargaan kepada perpustakaan yang telah mengadakan program pendidikan pengguna dan perhubungan awam yang cemerlang.
- menggalakkan program pendidikan pengguna dan perhubungan awam di perpustakaan
- menghargai sesebuah perpustakaan yang telah berjaya mempromosi bidang kepustakawanan kepada masyarakat umum.

3.) Kategori perpustakaan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- Perpustakaan kecil
Anugerah Kualiti PPM (Kategori Perpustakaan kecil) - untuk kakitangan mempunyai tidak lebih 5 orang
- Perpustakaan sederhana/besar
Anugerah Kualiti PPM (Kategori perpustakaan sederhana/besar) adalah untuk kakitangan 6 orang ke atas.

4) Kriteria pemilihan :

Calon-calon yang layak untuk dipertimbangkan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu daripada kriteria berikut :

Berjaya mengadakan dan melaksanakan:

- program terancang dalam pendidikan pengguna
- program terancang untuk program perhubungan awam
- telah menunjukkan prestasi melalui program terancang tersebut.
- dapat membuktikan peningkatan prestasi melalui pengumpulan data/statistik yang dibuat.

5) Kekerapan anugerah

Anugerah ini akan diberikan dua tahun sekali

6.) Peraturan pemilihan

6.1 Nama Anugerah adalah

- Anugerah Kualiti PPM/PENAJA (kategori Perpustakaan Kecil)
- Anugerah Kualiti PPM/PENAJA (kategori Perpustakaan Sederhana/Besar)

6.2 Penerima terbuka kepada semua jenis perpustakaan samada swasta dan kerajaan.

6.3 Perpustakaan penerima hendaklah diuruskan oleh sekurang-kurangnya seorang yang mempunyai kelayakan ikhtisas yang diiktiraf.

6.4 Menjadi ahli Institusi PPM pada tahun penerimaan anugerah atau seorang staf profesional menjadi ahli profesional pada tahun penerimaan

6.5 Penerima layak untuk menerima anugerah ini lebih dari sekali dengan syarat untuk kecemerlangan bidang yang lain dalam tempoh 3 tahun

6.6 Anugerah ini tidak perlu diberi jika panel pemilihan merasakan tiada penerima yang layak

7.) Panel Pemilihan

- Panel Pemilihan terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik oleh Majlis PPM
- Keputusan Panel Pemilihan adalah sulit

8) Pencalonan

- Penyertaan hendaklah dibuat melalui penamaan/pemohonan
- Permohonan hendaklah disertakan dengan kriteria-kriteria yang menyokong penyertaan
- Panel Pemilihan tidak boleh menganggotai panel jika perpustakaan beliau bertugasan dicalonkan

9.) Pemilihan

- Ketua Pustakawan mungkin diminta untuk menghadiri temubual jika dirasakan perlu.
- Lawatan ke perpustakaan oleh Panel Pemilihan boleh dilakukan jika dirasakan perlu
- Calon penerima anugerah hendaklah bersedia memberikan maklumat tambahan jika diminta oleh Panel Pemilihan
- Keputusan Panel Pemilihan adalah muktamad

10. Hadiah

- Wang tunai sebanyak RM5,000 untuk setiap kategori
- Trofi Pusingan
- Trofi iringan dan sijil penghargaan

dari muka 1

Persidangan ini dimulakan dengan pembentangan 8 kertas kerja dalam sesi tutorial pada 8 Disember 2003. Sebanyak 2 ucapan utama, 5 ceramah jemputan dan 68 pembentangan kertas kerja dalam sesi serentak. Upacara penutup telah diadakan pada 11 Disember 2003 dan disempurnakan oleh Y. Bhg Prof. Dato' Dr. Mohammed Noor Bin Embi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan, UKM. Majlis penutup juga disempurnakan dengan penyerahan simbolik kepada hos ICADL 2004, Shanghai, China.

Pada hari terakhir, penganjur telah mengadakan lawatan ke Putrajaya, Cyberjaya dan Perpustakaan Negara Malaysia untuk para peserta persidangan. Selain itu, sebanyak 16 syarikat pembekal telah mengambil bahagian dalam sesi pameran yang diadakan sepanjang persidangan ini berlangsung. Disamping itu, sesi poster yang disertai oleh beberapa institusi turut diadakan.



Majlis Makan Malam meraikan Penceramah Dan Pembentang Kertas Kerja ICADL 2003



Para peserta ICADL 2003 di Majlis Makan Malam PPM sempena ICADL 2003

Sumbangan Berita

Berita PPM sentiasa mempertingkatkan kualiti kandungannya, Oleh itu kami amat mengalu-alukan sumbangan berita dan rencana daripada para ahli PPM. Sebarang sumbangan bolehlah di hantar ke alamat:

Puan Maimunah Kadir

*d/a Perpustakaan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak*

56000 Cheras Kuala Lumpur

Tel: 03-91702288

E-mail: mai@mail.hukm.ukm.my

**Sidang Pengarang
mengalu-alukan
Cik Noreen Haji Mohamad
sebagai Pegawai Eksekuti PPM yang baru**

PPM Council Members 2003/2005

President

Dato' Zawiyah Baba

Vice President 1

Putri Saniah Megat Abdul Rahman

Vice President II

Siti Zakiah Aman

Immediate Past President

Rashidah Begum Fazal Mohamed

Honorary Secretary

Nafisah Ahmad

Honorary Assistant Secretary

AAzli Abd Rahim

Honorary Treasurer

Chin Loy Jyoon

Honorary Assistant Treasurer

Rajeswary K. Ramalingam

Council Members

Mohd Sharif Mohd Saad

Maimunah Kadir

Hasbullah Atan

Norma Mohd Darus

Shaifol Yazam Mat

Persatuan Pustakawan Malaysia

Peti Surat 12545

50782 Kuala Lumpur

Tel/Fax: (603)-26947390

Email : ppm55@po.jaring.my

Laman Web: <http://www.pnm.my/ppm/>

Cik Noreen Haji Mohamad (Pegawai Eksekutif PPM)